

Isu air: Proses timbang tara dipercepatkan

UM - 6 SEP 2003

TAMPIN 5 Sept. — Malaysia akan menyegerakan proses timbang tara dalam menyelesaikan isu berhubung pertikaian air dengan Singapura.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, melalui proses timbang tara itu, kedua-dua buah negara perlu melantik peguam masing-masing bagi membentangkan kes tersebut kepada mahkamah.

Menurut beliau, Malaysia kini sedang membuat persediaan ke arah itu dan kedua-dua negara terbabit juga akan menetapkan di mana hendak

diadakan prosiding mahkamah berhubung isu tersebut.

“Kita akan melihat bagaimana kita boleh lakukan secepat mungkin berasaskan kepada undang-undang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Kembara Bermotosikal Jalur Gemilang 2003 anjuran Persekutuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Tampin di Gemencheh, dekat sini hari ini.

Beliau menegaskan bahawa isu berkenaan perlu diselesaikan segera supaya ia tidak terus berpanjangan.

Syed Hamid memberitahu, proses timbang tara adalah jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan pertikaian itu selepas perundingan dijalankan dengan Singapura menemui kebuntuan.

“Kita buka peluang seluas-luasnya (kepada Singapura) untuk mencari penyelesaian di luar lingkungan timbang tara atau proses perundingan tetapi setakat ini tidak mencapai apa-apa kejayaan.

“Lagi pun, kedua-dua pihak bersetuju untuk merujuk perkara ini menerusi proses timbang tara.

“Bagaimanapun undang-undang yang akan dirujuk ialah undang-undang Malaysia seperti mana terkandung dalam perjanjian air itu,” ujarnya.

Pada masa ini, Singapura membeli bekalan air mentah pada kadar tiga sen untuk 1,000 liter air dari Malaysia.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau yakin Singapura akan cuba melengah-lengahkan proses timbang tara untuk menyelesaikan isu air dengan Malaysia.